

11 NOV 1997

PROJEK JAMBATAN DARAT M'SIA-THAILAND PENTING, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa kerajaan menganggap jambatan darat berharga RM10 bilion yang menghubungkan utara semenanjung dengan Thailand sebagai amat perlu untuk mencegah ekonomi negara daripada merosot menjadi kemelesetan.

"Kita bukanlah jatuh miskin sehingga kita langsung tidak boleh berbuat suatu apapun," tegas beliau.

Dr Mahathir menekankan bahawa kerajaan tidak pernah berkata bahawa ia akan menghentikan pembangunan di negara ini sehingga ringgit meningkat semula nilainya.

"Kita cuma kata apa yang kita tidak mampu, kita tidak buat. (Jika) kita mampu, kita akan teruskan," katanya ketika bercakap kepada pemberita selepas sesi soal jawab pada persidangan Panel Global Kuala Lumpur 1997 di sini hari ini.

Jika kerajaan menghentikan kesemua projek pembangunan, maka itu adalah "satu cara yang pasti akan mewujudkan kemelesetan."

Katanya kerajaan tidak mahu menghalang kegiatan ekonomi sehingga menyebabkan ramai orang menganggur dan menyebabkan industri, terutamanya industri binaan dan bahan binaan, ditutup.

"Meneruskan pelaksanaan projek-projek yang telahpun bermula adalah penting.

"Memanglah kita miskin sedikit sekarang, tetapi kita ada cara dan jalan untuk mengatasinya," tambah beliau.

Dr Mahathir juga ditanya apakah yang akan dibincangkan oleh beliau dengan pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus yang akan melawat Malaysia akhir bulan ini.

"Beliau akan menemui Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Datuk Seri Anwar Ibrahim). Jika perlu, saya akan menemui Encik Camdessus."

Perdana Menteri berkata mengawal selia dagangan mata wang pasti akan menjadi satu perkara dalam agenda perbincangan.

Mengenai cadangan tabung kewangan Asia, Dr Mahathir berkata tabung itu tidak perlu, jika ia hanya satu lanjutan daripada IMF.

"Kita mengharapkan bahawa tabung Asia itu akan berfungsi secara berlainan daripada IMF."

Menjawab soalan tentang sama ada hubungan Asia-Eropah akan terjejas oleh kegawatan mata wang Asia Tenggara, beliau berkata eksport negara-negara Eropah ke Asia tidak akan terjejas.

"Mereka buat kita miskin, mereka juga akan jadi miskin," tambah beliau.

Mengenai lawatannya ke Kanada untuk mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebelum Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) bulan ini, Dr. Mahathir berkata beliau ingin memperjelaskan projek itu kepada sebilangan besar syarikat Kanada yang terlibat dalam multimedia dan teknologi maklumat.

"Kita mahu mereka (syarikat Kanada) menyertai MSC," jelasnya. --

BERNAMA

AD KY MA